



**UNIT PERUMAHAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUK.NS.700-9/11/8 ( 9 )  
Tarikh : 30 hb. Mei 2017

**KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam gred **G1** dalam kategori **C** pengkhususan **CE19** atau **CE38** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

**UP 6 / 2017                      KERJA-KERJA MENGGANTI SALURAN PAIP KUMBAHAN DI  
BLOK F PANGSAPURI TAMAN CEMPAKAPURI FASA 4 NILAI,  
DAERAH SEREMBAN NEGERI SEMBILAN.**

2. Penyebutharga yang berminat hendaklah hadir ke **BLOK F PANGSAPURI TAMAN CEMPAKAPURI FASA 4 NILAI**, untuk taklimat dan lawatan ke tapak ( **Wajib** ) pada **7 Jun 2017 ( Rabu )** jam **10.30 pagi**. Sila bawa bersama Cop dan sijil-sijil ASAL Syarikat seperti dinyatakan diperenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **7 Jun 2017 ( Rabu )** jam **3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( **CIDB** ) yang **asal** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **14 Jun 2017 ( Rabu )** jam 12.00 tengahari. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Perumahan, Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 30.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.

  
**( MOHD FAZLI BIN ABDUL JALIL )**  
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
Unit Perumahan